

Menelusuri Elemen Sejarah dalam Novel

Searching History Elements in Novel

CHE ABDULLAH CHE YA & MOHAMAD RODZI ABD RAZAK

ABSTRAK

Karya kreatif termasuklah novel, mempunyai kaitan yang rapat dengan sejarah kerana ia dihasilkan berdasarkan kreativiti yang terbentuk daripada pengetahuan serta pengalaman diri sendiri ataupun pengalaman orang lain. Novel *Bukit Kepong* karya Ismail Johari, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1999 bertolak daripada peristiwa sejarah *Bukit Kepong*. Peristiwa *Bukit Kepong* adalah satu peristiwa berdarah di mana pengganas komunis telah menyerang Balai Polis pada 23 Februari 1950 di *Bukit Kepong*, Muar, Johor. Novel ini antara lain memaparkan kembali perjuangan anggota polis mempertahankan *Bukit Kepong* daripada serangan pengganas komunis itu dalam bentuk karya kreatif. Kajian ini melihat bagaimana elemen sejarah digarapkan dalam novel ini serta sejauh mana elemen sejarah itu boleh dipertanggungjawabkan sebagai sumber sejarah. Hasil penelitian mendapati novel ini telah menggunakan elemen sejarah yang tepat apabila menampilkan watak-watak sebenar yang terlibat dalam peristiwa tersebut. Dari sudut latar masa dan tempat juga memperlihatkan waktu dan tempat di masa peristiwa *Bukit Kepong* itu berlaku dan kawasan sekitarnya seperti Pagoh, Muar dan lain-lain. Novel turut menampilkan wajah Johor pra-merdeka. Daripada aspek peristiwa pula novel ini bertolak daripada tiga peristiwa besar iaitu gerakan komunis di Tanah Melayu, Darurat di Tanah Melayu dan Majlis Kenangan 1976. Pengarang didapati telah melakukan penyelidikan yang cukup teliti termasuklah mengadakan beberapa sesi temu ramah dengan tokoh-tokoh yang terlibat dalam peristiwa tersebut baik secara langsung maupun tidak langsung, meneliti fakta-fakta daripada fail polis lantas diadun pula dengan daya kreativiti dan imaginasi yang seimbang antara isi dan bentuk. Elemen sejarah dalam novel ini boleh dipertanggungjawab dan dijadikan rujukan.

Kata kunci: *Bukit Kepong; darurat; komunis; polis; sejarah*

ABSTRAK

*Creative work includes novels are closely related to history as they are based on creativity formed from the knowledge and own experience or the experiences of others. Ismail Johari's *Bukit Kepong* novel, the publication of Dewan Bahasa dan Pustaka in 1999 leaves *Bukit Kepong* history. The *Bukit Kepong* event was a bloody incident in which the communist terrorist attacked Police Station on February 23, 1950 in *Bukit Kepong*, Muar, Johor. The novel shows the struggle of the police to defence *Bukit Kepong* from the communist terrorist attack in the form of creative work. This article looks at how historical elements applied in this novel as well as how far the historical elements can be accounted for as a source of history. The analysis uses historical approaches that outline three characteristics; character, background and event. The research finds that this novel has been using the right historical elements when displaying the actual characters involved in the event. Background of time and place also shows the time and place in the *Bukit Kepong* event happened and the surrounding area like Pagoh, Muar and others. The novels also feature a pre-independence Johor. From the aspect of the event, the novel is based on three major events namely the communist movement in Malaya, the Emergency in Malaya and the 1976 event. The authors are found to have done a thorough research including conducting several interview sessions with the characters involved in the event either directly or indirectly, examining the facts from the police file then blended with the creativity and imagination of balance between content and shape. The historical elements in this novel can be accounted for and referenced.*

Keywords: *Bukit Kepong, communist; emergency; history; police*

PENDAHULUAN

Secara umumnya, sejarah dan karya kreatif merupakan dua perkara yang cukup berbeza. Sejarah adalah fakta tentang peristiwa-peristiwa sebenar yang berlaku dalam kehidupan manusia. Karya kreatif pula dipenuhi dengan imaginasi dan wawasan seseorang pengarang. Hakikatnya, karya kreatif mempunyai kaitan yang rapat dengan sejarah kerana ia dihasilkan berdasarkan imaginasi dan wawasan yang terbentuk daripada pengetahuan serta pengalaman diri sendiri ataupun pengalaman orang lain. Baik sejarah maupun karya kreatif, kedua-duanya mempunyai hubungan yang rapat dengan masyarakat. Yang berbeza ialah karya kreatif memasukkan citra (*image*), menokok fantasi atau meleret-leret nilai seni yang dikira tidak perlu hadir dalam sejarah. Inilah yang dilakukan oleh pengarang, mengambil fakta sejarah diadun pula dengan fantasi dan wawasan yang memerlukan kemahiran yang cukup tinggi lantaran kehadiran fakta sejarah dalam novel mestilah bersifat imaginatif dengan kombinasi fakta sejarah serta estetik seni penulisan dan bukannya fakta-fakta sejarah tanpa citra.

Penulisan berdasarkan sejarah secara langsung tidak banyak dilakukan oleh pengarang kreatif. Kebanyakan pengarang mengambil fakta sejarah hanya sebagai latar cerita atau secara tidak langsung seperti mana yang kita jumpa dalam novel-novel A. Samad Said, S. Othman Kelantan, Arena Wati dan lain-lain. Sejarah tidak langsung juga digarapkan oleh Ishak Haji Muhammad melalui *Putera Gunung Tahan*. Melalui *Bukit Kepong* pengarang telah menggunakan sejarah secara langsung. Novel karya Ismail Johari, diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Pada tahun 1999. Novel ini bertolak daripada peristiwa berdarah Balai Polis Bukit Kepung yang diserang komunis pada 23 Februari 1950. Novel ini boleh dianggap sebagai sebuah novel sejarah. Novel sejarah adalah novel-novel yang ditulis berdasarkan peristiwa, tokoh, artifik dan lain-lain lagi yang berkaitan dengan sejarah.

New Encyclopedia Britannica mendefinisikan novel sejarah sebagai cerita-cerita fiksyen yang berhasrat membawa semangat, kemahuan dan keadaan sosial yang lalu secara realistik dan berketepatan dengan sejarah. Novel-novel sejarah adalah novel-novel yang mengandungi perkara-perkara yang sah seperti tokoh, peristiwa, masa, tempat di samping dapat mengutarakan sebab serta akibat, pemikiran, pengajaran dan nilai-nilai

estetik serta struktur penulisan. Meskipun begitu sebagai sebuah karya kreatif imaginatif novel-novel sejarah turut memuatkan unsur-unsur fantasi dan imaginasi. Dalam hal ini S. Othman Kelantan (1985: 27) berpendapat, novel-novel sejarah adalah berdasarkan kepada bahan-bahan sejarah yang nyata kemudiannya diberikan unsur-unsur imaginasi oleh pengarang.

Pengarang novel *Bukit Kepong*, Ismail Johari (1947) berasal daripada Tanjung Karang, Selangor. Beliau pernah berkhidmat sebagai anggota polis hampir 20 tahun bermula pada tahun 1969. Pada masa yang sama, beliau telah melanjutkan pelajarannya dalam bidang Komunikasi Massa di Universiti Sains Malaysia. Beliau kemudiannya melanjutkan pelajarannya ke peringkat Sarjana dalam bidang Pentadbiran Sistem Keadilan di Amerika Syarikat. Ismail Johari telah memegang beberapa jawatan yang penting dalam perkhidmatannya sebagai seorang polis iaitu di Interpol, Cawangan Khas, Cawangan Siasatan Jenayah dan sebagai pensyarah di Maktab Diraja Polis di Kuala Kubu Baru. Semasa perkhidmatannya beliau telah ditugaskan mengumpul data bagi pengkajian semula peristiwa Bukit Kepong. Ismail Johari kemudiannya meletak jawatan sebagai anggota polis dan menjadi pensyarah di Universiti Kebangsaan Malaysia dan kemudian bekerja sendiri. Beliau meninggal dunia pada tahun 2017.

PERMASALAHAN KAJIAN

Novel *Bukit Kepong* bertolak daripada peristiwa Bukit Kepong yang berlaku pada tahun 1950. Novel ini banyak memuatkan fakta-fakta sejarah. Kajian ini melihat bagaimana elemen sejarah digarapkan dalam karya sastera dan Sejauh mana elemen sejarah tersebut boleh dipertanggungjawabkan sebagai sumber sejarah.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan melihat hubungan sastera dengan sejarah khususnya dalam novel yang bercorak sejarah. Kajian juga melihat unsur-unsur sejarah digarapkan dalam karya sastera yang diadun antara fakta dan kreativiti seseorang pengarang.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bersifat kualitatif. Novel *Bukit Kepong* karya Ismail Johari yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1999 menjadi teks kajian manakala dapatkan lain akan menjadi bahan sokongan. Penelitian akan menggunakan pendekatan sejarah sebagai kaedah kajian.

PENDEKATAN SEJARAH

Pendekatan sejarah merupakan salah satu kaedah kritikan teks kesusastraan yang berpengaruh pada abad ke-19 dan awal abad ke-20. Pendekatan ini bersandarkan kepada idea Hippolyte Taine yang percaya kepada signifikan konteks sosial dan karya. Menurut Mana Sikana (1998: 57), pendekatan ini berusaha mengapresiasi, menganalisis dan menilai karya kesusastraan dalam konteks mencerakinkan aspek-aspek persejarahan dan nilai estetikanya. Karya-karya sastera yang berlatar belakangkan aspek sejarah atau yang berbentuk historiografi amat sesuai dianalisis menggunakan pendekatan ini.

Terdapat beberapa prinsip pada pendekatan sejarah. Pertama karya sastera dilihat sebagai memiliki unsur-unsur kepentingan sejarah. Pendekatan ini menilai aspek-aspek yang boleh dianggap sejarah dalam sesebuah karya yang dibaca, iaitu dokumentasi, keterangan-keterangan dan gambaran-gambaran yang terjadi dalam sesebuah masyarakat atau bangsa. Berdasarkan prinsip pertama ini, sesebuah karya dapat dinilai dari sudut pandang politik. Berlandaskan sudut politik, penelitian berkaitan sesebuah organisasi pemerintahan, kuasa politik di suatu tempat dapat dianalisis.

Pendekatan sejarah juga menilai semula unsur-unsur sejarah berkenaan sama ada penting, kurang penting atau hanya setakat perakam sahaja. Prinsip seterusnya ialah memperlihatkan hubungan karya dengan aspek budaya dan ideologi-ideologi yang mempengaruhi dan membentuk sejarah manusia. Prinsip keempat dapat dilihat berkenaan dengan bagaimana falsafah membentuk tamadun dan kesan yang ditinggalkan oleh semangat sesuatu zaman itu terhadap penciptaan karya. Prinsip kelima ialah memberikan tempat yang istimewa kepada kekuatan sesuatu zaman dan perlu dilihat pada konteks zaman itu sahaja. Prinsip pendekatan sejarah yang terakhir ialah sesebuah karya perlu dilihat pada konteks zaman itu sahaja. Prinsip pendekatan yang terakhir ini memperlihatkan perlunya karya diteliti

dari pelbagai zaman. Secara umumnya pendekatan sejarah sangat mementingkan konsep masa, bangsa dan persekitaran.. Penelitian akan melihat elemen sejarah daripada tiga aspek iaitu bangsa melalui perwatakan, masa melalui latar dan peristiwa melalui tiga peristiwa besar iaitu Serangan komunis terhadap balai polis Bukit Kepong, Darurat di Tanah Melayu dan Majlis Kenangan 1976.

PERBINCANGAN

Novel *Bukit Kepong* bertolak daripada peristiwa serangan komunis terhadap balai polis Bukit Kepong tersebut. Peristiwa Bukit Kepong berlaku pada tahun 1950. Waktu itu dikenali sebagai zaman darurat di Tanah Melayu (1948-1960), pemerintah British telah mengumumkan zaman darurat ekoran kegiatan komunis yang berleluasa selepas Perang Dunia kedua. Dalam kejadian tersebut, balai polis Bukit Kepong diserang oleh seramai 180 orang pengganas komunis bermula sekitar jam 5.00 pagi 23 Februari 1950. Dalam kejadian tersebut, sekitar 25 orang anggota polis berjuang habis-habisan sehingga seorang demi seorang gugur. Dua orang isteri anggota Polis Marin turut mengangkat senjata apabila mendapati suami mereka terkorban dan mereka terus bertempur bersama anggota-anggota lain sehingga kehabisan peluru. Dalam kejadian ini, 17 orang anggota polis dan hampir 40 orang komunis telah terkorban.

Novel ini memaparkan sejarah baik secara tersurat mahupun secara tersirat yang memerlukan penelitian yang teliti dan mendalam. Secara tersuratnya novel ini memaparkan sejarah perjuangan pasukan anggota polis dalam mempertahankan negara. Peristiwa Bukit Kepong menjadi lambang keberanian, kecekalan dan pengorbanan mereka yang bergelar polis. Menjadi anggota polis khususnya pada zaman darurat merupakan satu cabaran yang cukup besar untuk dipilih oleh seseorang individu. Keganasan ada di mana-mana, Parti Komunis Malaya (PKM) bertempik mengatakan mereka lah yang berhak dan mereka lah yang berkuasa. Memilih untuk menjadi anggota polis bukan sahaja meletakkan diri pada sebarang kemungkinan kekejaman pelepasan dendam anggota komunis tetapi meletakkan seluruh ahli keluarga di atas bara, panasnya turut terasa dan kadang kala turut terbakar.

Sejarah mencatatkan kekejaman komunis ini lewat buku-buku yang dicetak dan diedarkan tetapi sejarah tidak membicarakan tentang psikologi

watak-watak yang menghadapi kekejaman ini dan inilah kelainan antara gambaran sejarah dengan sastera. Sastera tidak sahaja menyoroti peristiwa yang berlaku secara luaran bahkan menggunakan imaginasi yang disertakan penyelidikan yang mendalam agar kesan pemahaman di kalangan generasi baru itu lebih berkesan dan mendalam. Pengarang membawa kita sehampir mungkin dengan peristiwa yang sebenarnya berlaku dan cuba melukiskan sehalus mungkin peristiwa itu, memaksa kita turut hadir dalam peristiwa Bukit Kepong menghayati suasana seram, kejam, pedih, marah, sakit hati dendam dan ketergantungan (suspens), memaksa kita membaca dan menghayati ayat demi ayat.

Membaca novel *Bukit Kepong* akan memberi kesan yang mendalam dalam jiwa khalayak kerana pengarang cuba menyoroti kejiwaan setiap watak baik anggota polis seperti Othman Yusof, Yusof Rono, Sarjan Jamil Mohd Shah, pengarang juga cuba menyoroti pemikiran orang-orang awam seperti Penghulu Ali Mustafa, Limah isteri Othman dan lain-lain. Untuk lebih padukan lagi cerita pengarang turut menyoroti kejiwaan watak-watak komunis yang dipaparkan. Pengarang tidak melakukan penyorotan ini secara membabi buta sebaliknya pengarang banyak melakukan penyelidikan melalui pertemuan dan soal jawab dengan watak-watak yang sebenar (tidak dinafikan penggunaan imaginasi turut membantu penghayatan pengarang). Hal ini dicatatkan oleh pengarang dalam penghargaan, pengarang membariskan sejumlah nama yang diwawancara seperti Yusof Rono, Othman Yusof, Ahmad Khalid tiga orang anggota polis yang terselamat dalam kejadian itu. Wawancara turut dilakukan dengan ahli keluarga polis dan penduduk kampung seperti Penghulu Ali Mustapha dan lain-lain (Ismail 1999: ix).

Penghasilan karya kreatif turut mengambil fakta-fakta sejarah ini melalui proses penyelidikan, analisis, taksiran, saringan, penilaian dan pemilihan yang bertujuan mendapatkan sesuatu gambaran yang meyakinkan dan boleh dipertanggungjawabkan. Hippolyte Taine, seorang tokoh kritikan sastera Perancis berkata “karya-karya sastera perlu difahami daripada tiga faktor yang berhubungan iaitu masa, bangsa dan suasana” (Wallek & Warren 1970: 95). Bertolak daripada pendapat Taine ini penelitian sejarah melalui *Bukit Kepong* haruslah meliputi fakta-fakta yang terdapat dalam karya tersebut seperti tokoh, masa, tempat dan peristiwa di samping beberapa bidang lain seperti ekonomi,

politik, kemasyarakatan dan agama. Dalam *Bukit Kepong*, unsur-unsur ini banyak ditemui sama ada dalam bentuk berkait, bercampur-campur, menjurus dan bergerak secara bersepada.

PERWATAKAN DALAM BUKIT KEONG

Watak-watak yang mewakili tokoh-tokoh yang dipaparkan oleh pengarang adalah tokoh-tokoh yang benar-benar terlibat dalam peristiwa sebenar yang berlaku. Watak-watak seperti Konstabel Othman Yahya, Konstabel Yusuf Rono, Lans Koperal Jidin Omar, Sarjan Jamil Mohd Shah, Penghulu Ali Mustafa serta para isteri dan anak-anak polis adalah watak-watak sebenar yang terlibat pada waktu itu. Nama-nama watak yang digunakan adalah nama sebenar mereka kecuali watak-watak komunis yang dikemukakan. Watak-watak tersebut telah ditukar seperti catatan pengarang (Ismail 1999: vii):

Nama-nama dan watak anggota polis, keluarga mereka dan orang kampung Mukim Bukit Kepong dalam novel ini adalah nama dan watak sebenar. Watak anggota pengganas komunis adalah watak sebenar dengan nama mereka ditukarkan kepada nama baru yang direka tanpa mengubah peranan watak mereka sesuai mengikut kisah cerita dan peranan asal.

Penggunaan watak-watak sebenar ini menjelaskan bahawa penghasilan novel ini adalah berdasarkan peristiwa yang sebenarnya berlaku. Pengarang cuba menghayati perasaan, emosi, pemikiran yang bermain di fikiran para watak sebelum, semasa dan selepas kejadian yang mengerikan tersebut. Pengarang seupaya mungkin cuba memahami watak-watak yang ditampilkan melalui beberapa sesi temu bual dengan watak-watak yang masih hidup dan ahli keluarga mereka. Pengarang turut memuatkan foto sebenar watak-watak utama yang dikemukakan. Antara foto-foto yang dilampirkan oleh pengarang termasuklah foto Konstabel Othman Yusof, Lans Koperal Jidin Omar, Penghulu Ali Mustapha, Konstabel Yusuf Rono, Konstabel Laut Abu Bakar Daud, EPC Ahmad Khalid dan lain-lain. Turut dilampirkan beberapa keping gambar bersama anggota polis dan pengawal kampung (AP) di balai polis Bukit Kepong sebelum serangan pengganas komunis. Penggunaan gambar-gambar lama ini memperjelaskan lagi kepada khalayak pembaca bahawa watak-watak yang terdapat dalam *Bukit Kepong* adalah watak-watak sebenar yang terlibat dalam peristiwa berdarah Bukit Kepong.

Watak utama dalam *Bukit Kepong*, Othman adalah watak yang benar-benar terlibat dalam

peristiwa ini. Hal ini diperkuatkan lagi kerana tokoh yang digambarkan iaitu Othman bin Yusof merupakan sumber sejarah yang penting dalam penghasilan novel ini. Othman telah memberikan maklumat yang agak terperinci tentang peristiwa yang berlaku kerana beliau sendiri mengalami peristiwa berdarah 23 Februari itu. Dalam melukiskan watak Othman, pengarang telah menyoroti kehidupan beliau sebelum memasuki polis, semasa menjadi polis dan kehidupan selepas itu (Ismail 1999: 22):

“Othman Yusof ketika itu baru berusia 19 tahun. Susuk tubuhnya gempal, tingginya sederhana dan kulitnya agak cerah. Lemah lembut budi bahasanya. Cekal sifatnya. Tegas pendiriannya. Pelajarannya Cuma setakat darjah tiga, kerana terbantut akibat Perang Dunia Kedua. Kulit tapak tangannya kasar. Anak muda penoreh getah itu bekerja cukup tekun membantu orang tuanya mencari rezeki. Hidup keluarnya sederhana. Tidak kaya dan tidak pula miskin.”

Naratif penceritaan kemudian bergerak kepada penglibatan Othman menjadi polis. Bermula dengan proses pemilihan beliau kemudiannya menjalani latihan di Pusat Latihan Polis Jalan Gurney, Kuala Lumpur sebelum diarahkan bertugas di Balai Polis Pagoh, Muar, Johor. Sebelum bertugas di Johor, Othman berkahwin dengan Limah. Mereka kemudiannya menjalani kehidupan bersama di Pagoh. Melalui penyelidikan yang dilakukan pengarang dapat menampilkan watak Othman yang meyakinkan. Begitu juga dengan beberapa watak sampingan seperti Penghulu Ali Mustafa dan Sarjan Jamil Mohd Shah dan lain-lain.

LATAR BUKIT KEPOONG

Latar masa yang dilukiskan oleh pengarang dapat di bagi secara jelas iaitu bermula dari tahun 1948 hingga peristiwa berdarah 23 Februari 1950 dan bahagian kedua kesan yang dihadapi oleh Othman Yusof selepas peristiwa tersebut sehingga kepada 23 Februari 1976. Pada tahun tersebut satu majlis memperingati peristiwa Bukit Kepong telah di adakan di kawasan pondok polis Bukit Kepong, setelah 25 tahun peristiwa tersebut berlaku. Latar masa yang mendominasi novel ini adalah 1948 hingga 1950 yang mana pada ketika itu negara berada dalam zaman darurat. Mengikut catatan sejarah pada 18 Jun 1948, Sir Edward Gent, selaku Pesuruhjaya Tinggi British di Persekutuan Tanah Melayu dengan rasminya telah mengisytiharkan darurat di seluruh Tanah Melayu dalam usaha

membendung keganasan yang dilakukan oleh Parti Komunis Malaya (Miller 1972: 32).

Pengarang mencatatkan dengan jelas tarikh-tarikh sesuatu peristiwa yang berlaku seperti 22 dan 23 Februari 1950 penggalas komunis menyerang Bukit Kepong, 23 Februari 1976 Majlis memperingati peristiwa Bukit Kepong dan lain-lain. Latar masa turut dibantu oleh latar tempat dan persekitaran yang dilukiskan oleh pengarang di samping beberapa budaya benda yang cukup teliti dilukiskan oleh pengarang baik dari segi cara berpakaian mahupun penggunaan alat-alat kegunaan diri seperti beg rotan yang digunakan oleh Othman Yusof semasa pergi ke Kuala Lumpur untuk menyertai latihan persediaan untuk menjadi anggota polis (Ismail 1999: 37).

Latar tempat yang digunakan adalah tempat-tempat yang sememangnya wujud dan masih kekal hingga ke hari ini. Latar utama dalam novel ini adalah Bukit Kepong, sebuah perkampungan kecil yang terdapat di daerah Muar, Johor. Pengarang melukis secara terperinci tentang keadaan bukit kepong pada waktu itu (Ismail 1999: 104– 105):

Ketika itu, Bukit Kepong adalah sebuah mukim perkampungan yang kecil yang mempunyai 20 buah rumah berderet berbumbung atap, termasuk beberapa buah kedai kepunyaan orang Cina, terletak di tebing sungai Muar. Kampung ini dihubungkan oleh lorong-lorong kecil dan ban ke beberapa buah perkampungan Melayu yang terletak dua hingga tiga batu ke pendalaman. Penduduknya tidak ramai, Cuma seribu.

Selain Bukit Kepong, pembaca turut diperkenalkan dengan kampung Pagoh, pekan Lenga dan Bandar Muar. Pengarang turut memperkenalkan kepada pembaca Kuala Lumpur sebelum merdeka serta pekan Kulim dan Sungai petani di Kedah (watak utama Othman Yusof berasal dari Kulim). Turut disebut dalam karya ini termasuklah Taiping, Gemas, Kluang dan lain-lain yang ditemui dan dilihat oleh watak utama Othman Yusof dalam perjalanan kereta api ke Kuala Lumpur dan dari Kuala Lumpur ke Kluang.

Suasana peperangan jelas kelihatan dalam novel ini. Stesen-stesen kereta api misalnya dipenuhi dengan tentera-tentera British dan Gurkha sama ada mereka baru balik daripada berjuang ataupun pergi bertugas di satu-satu kawasan. Kelibat pasukan tentera British dan Gurkha ini jelas kita lihat semasa kereta api tiba di stesen. Sewaktu Othman Yusof dan isterinya Limah sampai di stesen Kluang dalam perjalanan ke Pagoh kerana bertugas di sana mereka melihat ramai tentera British dan Gurkha yang baru

balik daripada menjalankan operasi keselamatan memburu komunis di bahagian utara. Pada waktu itu Perang Dunia Ketiga baru tiga tahun berlalu. Kesannya masih terasa dan segar dalam ingatan. Inggeris kembali berkuasa dan mereka cuba memperkenalkan Malayan Union namun dasar yang menafikan kedaulatan raja-raja dan keistimewaan orang-orang Melayu itu menerima tentangan yang hebat daripada orang-orang Melayu. Mereka mulai bangkit menentang dan menuntut sebuah negara yang merdeka. Dalam menghadapi situasi itu, pemerintah Inggeris terpaksa pula menghadapi tentangan Parti Komunis Malaya (Ismail 1999: 18):

Dalam kesibukan Inggeris menangani masalah yang mereka hadapi, tiba-tiba ada golongan manusia yang inginkan kuasa dalam masa yang singkat. Gerakan pengganas komunis memuncak, mereka terlibat dalam kegiatan militan dan ketenteraan. Tindakan ganas Parti Komunis Malaya melalui unit militan tersebut, menyebabkan Parti Komunis Malaya diisyiharkan sebagai sebuah parti siasah haram oleh Inggeris. Berikutan dengan pengharaman itu, mereka bertindak secara ganas melalui pertubuhan bawah tanah.

Keganasan dan tindakan pengganas komunis digambarkan oleh pengarang dengan jelas. Kehidupan menjadi tertekan dan penuh dengan ketakutan. Sekatan yang dikenakan oleh pemerintah turut menambah tekanan ini, pergerakan tidak lagi bebas. Serangan komunis boleh berlaku bila-bila masa sahaja baik di kampung maupun serangan terhadap pengangkutan awam seperti bas dan kereta api. Gambaran penahanan bas dari bandar Muar ke Pagoh telah dimuatkan oleh pengarang (Ismail 1999: 78-97). Pengarang menceritakan bagaimana pasukan pengganas komunis telah menghalang perjalanan bas dengan sebatang pokok besar. Semua barang makanan, barang kemas dan wang yang dimiliki oleh penumpang bas dirampas dan pakaian mereka pula dibakar dan mereka ditinggalkan telanjang bulat oleh pengganas komunis. Bagi menahan serangan komunis terhadap kereta api pula pemerintah telah menyediakan satu gerabak khas untuk pasukan keselamatan menjaga keselamatan kereta api dan penumpangnya. Gerabak khas itu kalis peluru dan beberapa orang anggota keselamatan bertugas dengan senjata masing-masing. Dari dalam gerabak itu mereka akan membala sebarang tembakan pengganas komunis yang menyerang hendap atau melakukan pengkhianatan kepada kereta api tersebut ataupun pada landasan kereta api (Ismail 1999: 39). Mengikut Thompson (1966: 26-27) PKM telah memulakan kegiatan sabotaj dan berbagai

tindakan yang ganas. Banyak kejadian penculikan dan pembunuhan dilakukan oleh pengganas komunis. Dalam masa enam bulan pertama tahun 1948, sejumlah 107 penculikan dan pembunuhan telah dilakukan oleh pengganas komunis. *Bukit Kepong* menggambarkan suasana kehidupan pada zaman darurat ini (Ismail 1999: 19-20):

Pengganas komunis terus berleluasa melakukan keganasan dan ugutan serta sering melakukan serang hendap dan pukul curi. Rakyat diugut dengan seribu ancaman untuk memaksa mereka membantu perjuangan pengganas komunis. Sawah padi dan dusun milik penduduk, ladang getah dan lombong bijih Inggeris tempat rakyat mencari rezeki menjadi sasaran keganasan mereka. Anggota pasukan keselamatan yang mengawal ladang getah dan lombong bijih menjadi matlamat mereka. Banyak harta musnah dan nyawa yang tidak berdosa menjadi korban.

Memahami sastera daripada tiga unsur iaitu masa, bangsa dan suasana akan menemukan kita pada wajah Johor pra-merdeka. *Bukit Kepong* memaparkan masa sebelum merdeka. Suasana penghidupan dan persekitaran masyarakat Johor (khususnya Johor utara) pada waktu itu dimuatkan oleh pengarang secara terperinci. Beberapa latar yang kita temui dalam karya kreatif ini termasuklah Muar, Pagoh, Bukit Pasir dan Bukit Kepong adalah latar tempat yang sememangnya wujud. Novel ini menggambarkan bagaimana suasana latar tempat itu (Ismail 1999: 104):

Pembangunan dan kemajuan masih asing di Johor Utara. Hutan belantaranya masih dara, belum berusik. Air sungainya cukup jernih hingga kelihatan dasarnya, kelibat ikan puyu dan sepat boleh dilihat dari tebing sungai. Kedamaianinya belum ternoda. Keindahannya masih belum tercemar. Penduduknya hidup damai mencari rezeki menampung keperluan hidup dengan bercucuk tanam dan menoreh getah, mencari rotan di pinggir hutan dan menangkap ikan dan udang galah di paya dan anak sungai. Alat perhubungan moden tidak ada. Jalan tar dan tambak tanah merah belum di bina. Alat perhubungan mereka adalah sungai Muar. Mereka menggunakan perahu untuk membawa hasil pendapatan mereka ke Pekan Lenga kalau perlu ke Muar.

Dari sudut latar tempat, novel ini memperlihatkan empat latar yang utama (tidak mengambil kira latar di luar Johor) iaitu Muar, Pagoh, Pekan Lenga dan Bukit Kepong. Muar digambarkan sebuah bandar yang menjadi tumpuan masyarakat membeli belah. Penduduk-penduduk daripada beberapa kampung berhampiran seperti Pagoh, Bukit Pasir, kampung raja dan beberapa kampung sekitar berkunjung

ke Muar untuk membeli belah. Bandar Muar dihubungi oleh jalan raya yang kecil melalui sungai, hutan dan berbukit-bukit dengan kampung-kampung sekitarnya. Pagoh pula merupakan sebuah perkampungan yang dihubungkan dengan jalan raya yang sempit melalui sungai Muar dan bukit-bukit. Terletak 1 jam perjalanan dari Muar dan 4 Jam perjalanan dari Kluang. Bukit Kepong menjadi latar utama novel ini. Bukit Kepong digambarkan sebuah perkampungan jauh di pendalam. Hanya dihubungkan dengan jalan sungai melalui sungai Muar. Ia merupakan tempat yang paling jauh dikunjungi oleh bot-bot besar. Pengarang menggambarkan (Ismail 1999: 104):

Tempat yang paling jauh dikunjungi oleh bot-bot besar ialah Bukit Kepong. Itu pun bot polis. Perjalanan dari bandar Muar ke tempat ini memakan masa lebih kurang lima jam. Perahu dan bot yang tiba di Bukit Kepong ini akan berlabuh di jeti yang dibuat khas daripada simen.

Suasana perang mewarnai Johor Pra-merdeka itu. Keganasan komunis ada di mana-mana. Perintah berkurung diadakan. Kawasan Bakri dan Yong Peng dikenal pasti sebagai kawasan tumpuan komunis. Gerakan komunis semakin hari semakin kuat, mereka tidak putus asa mengembangkan pengaruh baik secara sukarela maupun secara paksa. Mereka sentiasa mengintai peluang untuk menyebarkan pengaruh. Jikalau ternampak ruang mereka cepat bertindak. Tindakan pemerintah menarik semua anggota polis dari Bukit Kepong memandangkan Bukit Kepong merupakan sebuah kawasan yang aman dan tidak ternampak tanda-tanda PKM akan ke situ, telah membuka ruang kepada PKM untuk memperkembangkan pengaruh dan mereka berjaya memikat beberapa orang pemuda kampung. Berhalia Cina Bukit Kepong dijadikan tempat mendidik mereka yang terpengaruh dengan perjuangan komunis. Pengaruh komunis ada di mana-mana. Menurut catatan sejarah negeri Johor merupakan kawasan tumpuan PKM. Miller (1972: 32) menegaskan, pengisytiharan darurat bermula di beberapa kawasan Johor dan Perak sebelum ia diumumkan di seluruh negara.

PERISTIWA DALAM BUKIT KEPONG

Bukit Kepong mencatatkan beberapa peristiwa yang berlaku dalam masyarakat. Peristiwa ini merangkumi peristiwa semasa kejadian dan juga peristiwa pada masa kini (latar waktu dalam novel ini (1974)) Antara peristiwa yang digambarkan oleh pengarang ialah peristiwa serangan terhadap

balai polis Bukit Kepong, Zaman Darurat di Tanah Melayu (1948-1960) dan juga peristiwa perjumpaan semula mangsa serangan komunis Bukit Kepong pada tahun 1974.

Peristiwa yang mendasari novel ini ialah peristiwa Bukit Kepong yang berlaku pada 23 Februari 1950. Pengarang cuba menyoroti pengorbanan dan perjuangan anggota polis negara dalam mempertahankan bukit kepong daripada serangan komunis. Pengarang melukiskan kejadian-kejadian yang membawa kepada peristiwa ini berlaku. Bermula dengan beberapa kejadian yang membawa kepada peristiwa Bukit Kepong seperti kegagalan komunis dalam rancangan menawan Labis, peristiwa pembunuhan anggota komunis oleh penduduk kampung, rancangan serangan komunis diceritakan secara teliti dengan perancangan, penyamaran dan seterusnya serangan. Serangan ini menuntut pengorbanan yang cukup besar dari pasukan polis. 18 orang anggota polis dan lima orang anggota pengawal kampung yang serba kekurangan dari segi perhubungan mahupun peralatan telah berjuang bermati-matian mempertahankan rumah pasung Bukit Kepong daripada serangan lebih kurang 200 orang pengganas komunis yang telah merancang dengan cukup teliti sebelum melakukan serangan. Semangat kerjasama dan cintakan tanah air telah menyemarakkan diri mereka untuk terus berjuang demi maruah negara. Kekentalan semangat mereka tidak pernah pudar meskipun seorang demi seorang rakan mereka gugur di medan tempur (Ismail 1999: 334):

Pertahanan polis masih kuat. Setiap tembakan anggota pengganas komunis mendapat jawapan tembakan balas daripada anggota polis dari segenap penjuru dan dari setiap kubu pertahanan. Amaran yang polis sudah dikepung dan digesa menyerah diri untuk menyelamatkan nyawa mereka tidak memberikan apa-apa kesan dan hasil. Malah telah meningkatkan lagi semangat waja polis.

Menurut Miller (1972: 37) serangan pengganas komunis terhadap Balai polis yang terpencil banyak dilakukan oleh pengganas komunis. Ideologi komunisme telah mula bertapak di Tanah Melayu sejak dekad 1920-an, terutamanya dalam kalangan segelintir anggota masyarakat Cina. Ideologi ini dibawa masuk ke Tanah Melayu oleh penghijrah daripada negeri China ketika itu. Komunisme diperkenalkan kepada segelintir aktivis politik Melayu oleh tokoh komunis Indonesia seperti Alimin, Tan Malaka, Hasanoesi, Moeso, Winanta, Boedisoejito, Soebakat dan Sutan Perpateh (Ho Hui Ling 2004). Oleh itu, tidak menghairankan

jika komunisme merupakan salah satu daripada beberapa aliran kesedaran dan pemikiran politik yang mempengaruhi pergerakan dan langgam kehidupan sebahagian daripada nasionalis Melayu dalam dekad 1940-an. Matlamat perjuangan mereka adalah untuk mengalahkan kuasa kolonial dan imperialism, mendirikan sistem pemerintahan berdasarkan teori dan ideologi Marxisme-Lenisme dengan menguatkuasakan kaedah kepimpinan demokrasi terpusat, melancarkan agenda melahirkan masyarakat egalitarian-sosialis dan sebagainya (Kamaruddin M. Said. 2011: 12).

Keganasan yang berlaku di seluruh Johor Utara terutamanya di Daerah Muar dan Labis telah bermula sejak darurat diisyiharkan oleh Inggeris pada bulan Jun 1948. Namun begitu, pengganas komunis telah mula masuk ke kawasan Bukit Kepong pada bulan Jun 1949 apabila perkhidmatan polis di kawasan itu telah dihentikan. Walau bagaimanapun, pada bulan Disember 1949, hasil usaha Penghulu Ali Mustapha serta peningkatan pencerobohan komunis di Bukit Kepong, Rumah Pasung Bukit Kepong telah dinaikkan tarafnya di samping ditambah kekuatannya. Taraf ketua rumah pasung (OCS) telah dinaikkan dari Koperal kepada Sarjan. Manakala anggota tetapnya telah ditambah.

Pada 23 Februari 1950, Balai Polis Bukit Kepong telah diserang hendap oleh pengganas komunis. Pada masa itu hanya ada 18 orang anggota polis dan dibantu oleh lima orang anggota pengawal kampung mukim Bukit Kepong. Serangan pengganas komunis ini telah mengejutkan semua penduduk Bukit Kepong dan anggota polis. Mereka cuba mempertahankan Balai Polis tersebut dan berlawan habis-habisan sehingga empat jam. Pada masa yang sama dianggarkan seramai 200 orang pengganas komunis terlibat dalam serangan itu. Selain daripada tenaga yang sedikit, pihak polis juga gagal meminta pertolongan kerana tidak mempunyai peralatan yang lengkap. Akibatnya ramai anggota polis dan ahli keluarga mereka gugur dalam serangan itu. Turut gugur beberapa orang kampung yang bersama membantu pihak polis. Peristiwa ini telah mencatatkan sejarah hitam negara. Peristiwa ini sangat menyayat hati apabila 14 orang anggota polis dan empat ahli keluarga mereka turut terkorban.

Novel ini turut menggambarkan peristiwa darurat yang berlaku Pada Jun 1948. Pesuruhjaya Tinggi Inggeris mengisyiharkan darurat di seluruh negara. Pergerakan rakyat disekat dan dikawal, sementara makanan pula dicatu. Rakyat terus

menjadi sasaran pihak komunis yang berikhtiar merampas kuasa dari pihak Inggeris, manakala Inggeris mahu terus bertahan mengekalkan kuasa di tanah Melayu. PKM turut menghasut pekerja-pekerja ladang dan lombong mogok. Mereka mahu melumpuhkan kepentingan ekonomi Inggeris dan melemahkan sokongan rakyat. PKM juga berusaha memperkembangkan pengaruh mereka di kalangan masyarakat. Situasi ini menekan kehidupan masyarakat. Mereka bukan sahaja ketakutan kepada ancaman komunis tetapi juga bimbang dengan tindakan pemerintah Inggeris sekiranya mereka tersilap langkah. Peristiwa darurat ini benar-benar berlaku dalam sejarah negara. Di mana pemerintahan Inggeris telah mengisyiharkan zaman darurat pada tahun 1948 dan pengisyiharan itu hanya berakhir pada tahun 1960. Menurut Ho Hui Ling (2015: 25), pergerakan komunis mencapai kemuncak pada Jun 1948 berikutan PKM memulakan siri keganasan dan kekerasan di negeri-negeri Melayu bagi merealisasikan matlamat perjuangannya. Kekacauan yang ditimbulkan oleh PKM itu telah menyebabkan Tanah Melayu memasuki zaman darurat di bawah Undang-undang Darurat yang diisyiharkan oleh Pesuruhjaya Tinggi British bagi Persekutuan Tanah Melayu, Sir Edward Gent pada 18 Jun 1948. Zaman darurat berakhir pada 31 Julai 1960 apabila pihak kerajaan dengan kerjasama orang awam telah berjaya melemahkan pergerakan PKM.

Satu lagi peristiwa yang digarapkan dalam novel ini ialah Majlis Kenangan pada tahun 1976 menjadi pemula kepada plot novel ini. Majlis kenangan ini diadakan di kawasan Balai Polis Bukit Kepong bagi mengenang kembali peristiwa berdarah Bukit Kepong yang pernah berlaku 25 tahun dahulu. Novel ini menyenaraikan antara mereka yang hadir termasuklah beberapa orang kenamaan seperti Tan Sri Mohd Hanif Omar selaku Ketua polis Negara dan Tan Sri Ghazali Shafie, Menteri Hal Ehwal dalam Negara. Majlis ini meraikan beberapa bekas anggota polis dan keluarga yang terlibat dalam peristiwa itu seperti Yusuf Rono, Ahmad Khalid dan Othman Yusof. Ahli keluarga pula termasuklah Fatimah Lawa, Fatimah Tuani, Pon Khalid, Mariam Ibrahim dan Jamilah Abu Bakar. Turut hadir Penghulu Ali Mustapha yang banyak membantu polis dalam peristiwa tersebut

KESIMPULAN

Novel *Bukit Kepong* merupakan satu khazanah yang penting untuk tatapan generasi hari ini dan masa depan. Dalamnya terakam sejarah bangsa dan negara yang akan menginsafi generasi hari ini dan masa depan betapa peritnya kehidupan di zaman penjajahan dan betapa kentalnya perjuangan dan besarnya pengorbanan anak watan dalam mempertahankan maruah negara yang tercinta.

Kita boleh melihat wajah Johor par-merdeka selepas meneliti novel ini. Dengan adanya novel ini generasi hari ini dan akan datang khasnya anak-anak warisan Johor akan dapat merenung dan meneliti kembali sejarah negeri Johor. Meneliti persekitaran Johor sebelum merdeka, suasana kehidupan pada masa itu, menilai pergolakan-pergolakan yang berlaku. Semua itu telah tiada dan sekiranya tidak dirakamkan pada masa sekarang ia akan hilang ditelan pembangunan negara lebih-lebih lagi gambaran-gambaran itu tidak digambarkan dalam sejarah kerana sejarah hanya mencatat peristiwa berdasarkan rekod-rekod yang mesti difahami dan boleh dipertanggungjawabkan oleh sejarawan. Catatan-catatan sejarah tidak akan dipengaruhi oleh emosi dan kenyataan-kenyataan yang tidak direkodkan dan sahih kebenarannya. Sastera pula bertolak daripada fakta sejarah, kemudian menjelajah luas dengan tafsiran-tafsiran tersendiri dan di sinilah letaknya keistimewaan sastera kerana ia mempunyai keupayaan menggambarkan dan melukiskan sesuatu yang futuristik serta mampu pula meraba, menjamah dan merasakan alam ghaib, melampaui sempadan masa, tempat dan pelaku yang tidak terdapat dalam sejarah. Itulah *Bukit Kepong*, bertolak daripada peristiwa Bukit Kepong yang terakam dalam sejarah kemudian menjelajah ke alam pemikiran setiap watak yang terlibat, memperlihatkan suasana tempat sesuai dengan masa kejadian yang memerlukan penyelidikan dan Sebagai sebuah karya kreatif, bukit Kepong tidak boleh lari daripada memasukkan unsur-unsur imaginasi, khayalan, taksiran-taksiran pengarang dan juga wawasan yang hendak disampaikan kerana sebagai sebuah karya kreatif imaginatif sifat-sifat seni dan estetika perlu diberi keutamaan oleh pengarang. Meskipun tema dan persoalan yang dikemukakan boleh diuji dan dipertanggungjawabkan kebenarannya berdasarkan catatan-catatan sejarah namun tidak kurang penampilan imaginasi, fantasi serta tokoh tambah yang dilakukan oleh pengarang bagi memperjelaskan lagi dan menambah penghayatan

para pembaca dan peneliti novel ini. Satu hasil kerja yang memerlukan tugas yang cukup mencabar dan penulis berjaya mengimbangi kombinasi fakta sejarah dengan estetika penulisan novel. Hasilnya novel ini bukan sahaja berguna untuk kajian kesusastraan tetapi juga boleh dimanfaatkan sebagai sumber sejarah untuk generasi akan datang. Semoga novel *Bukit Kepong* ini akan menjadi dorongan dan panduan untuk penulis-penulis kreatif mengangkat peristiwa-peristiwa lain ataupun tokoh-tokoh tertentu dalam bentuk karya kreatif kerana karya kreatif lebih terbuka pembaca dan peminatnya. Negeri Johor khususnya masih banyak peristiwa bersejarah dan tokoh-tokoh sejarah yang boleh diteliti dan dipindahkan dalam bentuk kreatif.

RUJUKAN

- Ho Hui Ling. 2004. *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ho Hui Ling. 2015. Kebangkitan Parti Komunis Malaya (PKM), 1968-1989: penelitian terhadap kegiatan komunis di Semenanjung Malaysia. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 42(1): 23-56.
- Ishak Haji Muhammad. 1973. *Putera Gunung Tahan*. Petaling Jaya: Pustaka Budaya Agency.
- Ismail Johari. 1999. *Bukit Kepong*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamaruddin M. Said. 2011. Pilihan rasional: minda Abdullah C. D. pemimpin komunis Malaysia. *Akademika* 81(3): 9-11.
- Manu Sikana. 1998. *Kritikan Sastera Modern, Teori dan Pendekatan*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti.
- Miller, H. 1972. *The Jungle War in Malaya*. London: Arthur Barker.
- Mohd Yusof Ibrahim. 1975. *Pengertian Sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- S. Othman Kelantan. 1985. *Teknik Mengkaji Novel*. Kuala Lumpur: Karya Bistari.
- Sahlan Mohd Saman. 1986. *Sastera Bandingan: Konsep, Teori dan Amalan*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Sahlan Mohd Saman. 1995. *Novel Perang dalam Kesusastraan Malaysia, Indonesia dan Filipina*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Thompson, R. 1966. *Defeating Communist Insurgency*. New York: F.A. Preager.
- Ungku Maimunah Mohd Tahir. 2011. Novel *Putera Gunung Tahan* oleh Ishak Haji Muhammad sebagai wacana balikan pascakolonial. *Akademika* 81(3): 65-74.
- Wallek, R. & Warren, A. 1970. *Theory of Literature*. New York: Harcourt, Brace & World.

Zainal Abidin Abd. Wahid. 1972. *Sejarah Malaysia Sa-Pintas Lalu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Che Abdullah Che Ya (corresponding author)
Pusat Kelestarian Warisan dan Kebitaraan Melayu
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor
Malaysia
E-mail: cheabd@ukm.edu.my

Mohamad Rodzi Abd Razak
Pusat Dasar dan Governans Global
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor
Malaysia
E-mail: rodzi@ukm.edu.my

Received: 10 November 2018
Accepted: 27 Februari 2019